



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil,
20604 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami:JPNT.SPM.UPBM.600-3/4/4 Jld.2(42)
Tarikh : 28 Jun 2022

Setiausaha
Pertandingan Pertandingan Kuiz Pengetahuan Am
Young Buddhist Association Of Malaysia

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PENGELIBATAN MURID BERAGAMA BUDDHA DALAM PERTANDINGAN KUIZ AM KEAGAMAAN BUDDHA DALAM TALIAN TAHUN 2022 BAGI MURID SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU ANJURAN YOUNG BUDDHIST ASSOCIATION OF MALAYSIA

Dengan segala hormatnya surat tuan bertarikh 07 Jun 2022 dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) melalui Sektor Pembangunan Bakat Murid telah menerima dan meneliti permohonan kebenaran untuk menjalankan aktiviti Kuiz Pengetahuan Agama Buddha dalam talian di sekolah sekolah di Negeri Terengganu daripada pihak tuan.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu **tiada halangan membenarkan** pihak tuan mengadakan aktiviti Kuiz Pengetahuan Agama Buddha di sekolah sekolah di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu selaras Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 24/1998, Bil. 9/2000, Bil. 8/2009, Bil.10/2011, Bil 5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2/2010, Pihak tuan juga perlu mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- 2.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 2.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 2.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga,

- 2.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 2.5 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 2.6 Penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) / program / aktiviti sekolah;
- 2.7 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat;
- 2.8 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 2.9 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 2.10 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;
- 2.11 **Tiada unsur negatif dan unsur politik; dan**
- 2.12 Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

3. Surat kebenaran ini adalah hanya untuk program yang dinyatakan di atas sahaja iaitu pada **tahun semasa berakhir 31 Ogos 2022.**

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh hubungi **Mohd Fairuz Salim Penolong Pengarah Sektor Pembangunan Bakat Murid** di talian **09-621 3328** atau e-mel mfairuz.salim@moe.gov.my


Kerjasama tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**" ANJAKAN MUFAKAT NEKAD"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD TAHAR BIN SALI)
Ketua Penolong Pengarah,
Sektor Pembangunan Murid,

b.p Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k.

Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu
Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan
- Makluman tuan

LAMPIRAN 1**LAPORAN AKTIVITI DAERAH / NEGERI**

- 1. NAMA AKTIVITI :**
- 2. TARIKH PELAKSANAAN:**
- 3. TEMPAT :**
- 4. PENGLIBATAN :**

KATEGORI	MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		JUMLAH		JUMLAH BESAR
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
MURID											
GURU											
ANGGOTA (Jika Berkenaan)											

5. PERASMIAN

- a) Pembukaan :**
- b) Penutup :**

6. OUTCOME

7. KEPUTUSAN PERTANDINGAN ATAU AKTIVITI (JIKA ADA) :

8. AKTIVITI BERGAMBAR :

